

SOALAN LAZIM
PEMBERIAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT) TAMBAHAN KHAS
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DALAM
KUMPULAN PELAKSANA DAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN
PROFESIONAL

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 ini dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 2023?	Tidak. Pemberian KGT Tambahan Khas ini hanya dilaksanakan pada tahun 2023 sahaja. Walau bagaimanapun, amaun RM100.00 tersebut akan kekal dalam gaji hakiki pegawai.
2.	Bilakah KGT Tambahan Khas akan dibayar?	Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas adalah pada 1 Januari 2023. Walau bagaimanapun, pembayaran KGT Tambahan Khas akan dibuat mulai tarikh pembayaran gaji bagi bulan Januari 2023.
3.	Adakah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00?	Pegawai yang berada di Kumpulan Pengurusan Tertinggi secara hakiki sebelum atau pada 1 Januari 2023 adalah tidak layak menerima KGT Tambahan Khas ini. KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 ini hanya diberikan kepada pegawai Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
4.	Adakah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang memangku Jawatan Utama / Gred Khas C layak menerima KGT Tambahan Khas?	Layak. Walau bagaimanapun, sekiranya tarikh kenaikan pangkat pegawai tersebut ke Jawatan Utama / Gred Khas C dikebelakangan sebelum atau pada 1 Januari 2023, KGT Tambahan Khas tersebut perlu diselaraskan semula.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
5.	Adakah pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00?	<p>Layak. Pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi Kerajaan adalah layak menerima KGT Tambahan Khas sebanyak RM 100.00 secara isyarat di gaji jawatan hakiki dan secara sebenar di jawatan peminjaman / tukar sementara.</p> <p>Bagi pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi, agensi Kerajaan yang diasingkan saraan, pertubuhan antarabangsa atau sektor swasta, pemberian KGT Tambahan Khas hendaklah diberikan secara isyarat di gaji jawatan hakiki sahaja.</p>
6.	Adakah pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib layak menerima KGT Tambahan Khas?	Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja yang berkuatkuasa 1 Januari 2023 adalah layak untuk menerima KGT Tambahan Khas.
7.	Adakah kadar KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 turut digunakan dalam penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat?	Tidak. Pemberian KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 tidak berkaitan dengan urusan perkhidmatan lain termasuklah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat.
8.	Adakah pegawai yang bersara pada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	Tidak. Pegawai yang bersara pada 1 Januari 2023 adalah tidak layak menerima KGT Tambahan Khas kerana hari terakhir perkhidmatan pegawai adalah pada 31 Disember 2022.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
9.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	Layak. Pegawai yang meninggal dunia pada 1 Januari 2023 adalah layak menerima KGT Tambahan Khas kerana hari terakhir perkhidmatan pegawai adalah pada 1 Januari 2023. KGT Tambahan Khas ini akan diambil kira dalam gaji akhir pegawai bagi tujuan faedah persaraan.
10.	Adakah pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuatkuasa selepas daripada 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas?	Layak. Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja yang berkuatkuasa selepas daripada 1 Januari 2023 adalah layak menerima KGT Tambahan Khas kerana pegawai masih lagi berkhidmat pada 1 Januari 2023.
11.	Adakah pemberian KGT Tambahan Khas ini tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)?	Tidak. Pemberian KGT Tambahan Khas ini adalah tidak tertakluk kepada keputusan PPSM.
12.	Adakah pegawai Gred 54 hakiki yang ditempatkan secara penempatan khas di Gred Utama C layak menerima KGT Tambahan Khas. Sekiranya layak, bagaimana kaedah pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai tersebut?	Layak. Pemberian KGT Tambahan Khas ini diberikan secara isyarat .
13.	Adakah pegawai lantikan COS yang tamat kontrak pada 12 Disember 2022 dan dilantik semula pada 3 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas ini?	Layak. Pegawai COS yang tamat kontrak pada atau sebelum 31 Disember 2022 dan dilantik semula atas gred dan jawatan yang sama pada atau selepas 1 Januari 2023 layak menerima KGT Tambahan Khas tertakluk dengan syarat tempoh kontrak baharu dengan kontrak terdahulu tidak terputus melebihi 6 bulan seperti mana ditetapkan dalam

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Perenggan 46 (iv), MyPPSM Ceraian UP 1.1.1.</p> <p>Gaji permulaan pegawai ialah gaji akhir yang diterima dalam kontrak terdahulu dan ditambah dengan KGT Tambahan Khas RM100.00.</p>
14.	<p>Adakah pegawai yang gaji hakikinya telah mencapai atau menghampiri gaji maksimum layak menerima KGT Tambahan Khas ini? Sekiranya pegawai layak, bagaimanakah kaedah pemberiannya?</p>	<p>Pegawai yang gaji hakiki telah mencapai atau menghampiri gaji maksimum adalah layak menerima KGT Tambahan Khas ini. Kaedah pelaksanaan pemberian KGT Tambahan Khas ialah gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2022 perlu ditambah dengan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023.</p> <p>Mengambil kira gaji pegawai telah atau akan melebihi gaji maksimum bagi gred tersebut setelah pemberian KGT Tambahan Khas ini, pegawai akan menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) berdasarkan kadar tetap 3% pada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pegawai sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2015 (PP Bil. 2/2015) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 (SPP Bil. 1/2020) serta Surat Pelaksanaan kepada agensi berkaitan.</p>
15.	<p>Adakah pegawai yang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) layak mendapat KGT Tambahan Khas ini?</p>	<p>Pegawai yang sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) layak untuk menerima KGT Tambahan Khas ini.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
16.	<p>Pegawai Bomba Gred KB19 telah menerima tawaran bagi jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 berkuat kuasa mulai 3 Januari 2023. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas ini?</p> <p>Bagaimanakah pula penetapan gaji permulaan pegawai di jawatan Penolong Juruaudit Gred W29?</p>	<p>Pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas pada 1 Januari 2023 di jawatan terdahulu (Pegawai Bomba Gred KB19). Selanjutnya, penetapan gaji permulaan bagi jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 adalah berdasarkan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012].</p>
17.	<p>Penolong Pegawai Perubatan (Kontrak) Gred U29 telah dipendekkan tempoh kontrak pada 2 Januari 2023 kerana mendapat tawaran sebagai Penolong Pegawai Perubatan (Tetap) Gred U29 berkuatkuasa pada 3 Januari 2023. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas?</p> <p>Bagaimanakah penetapan gaji permulaan pegawai di jawatan Penolong Pegawai Perubatan (Tetap) Gred U29?</p>	<p>Pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas pada 1 Januari 2023 di jawatan terdahulu Penolong Pegawai Perubatan (Kontrak) Gred U29.</p> <p>Penetapan gaji permulaan bagi jawatan Penolong Pegawai Perubatan (Tetap) Gred U29 adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik berdasarkan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012].</p>
18.	<p>Pegawai tidak hadir bertugas dan telah ditahan gaji bermula pada 15 November 2021 hingga kini. Pegawai juga telah dikeluarkan Surat Pertuduhan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas?</p>	<p>Pegawai yang tidak hadir bertugas dan ditahan gajinya sepanjang tahun 2022 adalah tidak layak menerima KGT Tambahan Khas ini (Perenggan 7.1, PP Bil. 2/2022).</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
19.	<p>Pembantu Penguat Kuasa KP19 diberikan pelanjutan tempoh percubaan kali terakhir dengan amaran dan pegawai juga tidak menerima PGT kerana belum disahkan jawatan. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas?</p>	<p>Pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas.</p>
20.	<p>Pegawai sedang Cuti Separuh Gaji bermula pada 5 Disember 2022 sehingga 30 Mac 2023. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas?</p> <p>Sekiranya layak, bagaimanakah pemberian KGT Tambahan Khas ini dibuat?</p>	<p>Pegawai yang Cuti Separuh Gaji layak menerima KGT Tambahan Khas ini. Kaedah pemberian KGT Tambahan Khas bagi pegawai yang sedang Cuti Separuh Gaji ialah gaji hakiki pegawai pada 31 Disember 2022 ditambah dengan KGT Tambahan Khas sebanyak RM100.00 pada 1 Januari 2023. Selanjutnya, pembayaran emolumen kepada pegawai yang sedang Cuti Separuh Gaji perlu dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Perenggan 5.2, SPP Bil. 4/2009.</p>
21.	<p>Pegawai tidak hadir bertugas dan ditahan gaji bermula pada 15 April 2022 hingga 15 Januari 2023. Adakah pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas?</p>	<p>Pegawai layak menerima KGT Tambahan Khas sekiranya tidak disabitkan dengan hukuman tatatertib buang kerja pada 1 Januari 2023. Pembayaran emolumen akan dibuat apabila pegawai kembali bertugas.</p>
22.	<p>Adakah seseorang pegawai yang dikenakan Perintah Tahan Kerja mengikut Peraturan 44, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bermula tahun 2019 dengan dibayar separuh emolumen layak menerima KGT Tambahan Khas?</p>	<p>Pegawai yang dikenakan Perintah Tahan Kerja adalah layak untuk diberikan KGT Tambahan Khas secara isyarat pada 1 Januari 2023 tertakluk kepada subperaturan 44(6), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dengan dibayar separuh emolumen.</p> <p>Berdasarkan subperaturan 45A (2) P.U.A 395/93 "jika prosiding tatatertib</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p><i>terhadap seseorang pegawai berkeputusan dengan suatu hukuman selain buang kerja, pegawai itu berhak untuk menerima apa-apa bahagian emolumennya yang telah tidak dibayar kepadanya dalam tempoh penahanan kerja pegawai”.</i></p> <p>Sehubungan dengan itu, jika prosiding tatatertib berkeputusan dengan hukuman selain buang kerja pada 1 Januari 2023, maka pengiraan semula emolumen hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.</p>